

HARI :

TARIKH :



PERATURAN DI DALAM BENGKEL

PERATURAN DI DALAM BENGKEL

Peraturan Keselamatan Am

- Keluar dan masuk bengkel dengan kebenaran guru.
- Bersihkan bengkel sebelum dan selepas digunakan.
- Tidak dibenarkan membawa beg masuk ke dalam bengkel.
- Membaca label sebelum menggunakan semua bahan dan peralatan yang akan digunakan.
- Sentiasa mematuhi arahan guru dan berhati-hati dalam setiap kerja di dalam bengkel.
- Mematikan semua suis elektrik selepas digunakan.
- Memastikan persekitaran bengkel sentiasa kemas, bersih dan teratur.



INFO

Kesan Tidak Mematuhi Peraturan di Bengkel.

- Boleh menyebabkan kecederaan.
- Boleh menyebabkan kebakaran.

NILAI MURNI

Berdisiplin

Peraturan Keselamatan Diri

- Tidak bergurau ketika melakukan aktiviti.
- Melaporkan kepada guru bengkel sekiranya berlaku kemalangan.
- Memakai apron sepanjang berada di dalam bengkel.
- Bagi murid yang memakai baju lengan panjang, lipat lengan baju ketika bekerja.
- Murid perempuan yang berambut panjang hendaklah diikat manakala yang bertudung, pastikan tudung dipakai dengan kemas.
- Memakai kasut bertapak getah, bertumit rendah, selesa dan bertutup.
- Basuh tangan selepas melakukan aktiviti.





Peraturan Keselamatan Alatan dan Bahan

- Penggunaan alatan dan bahan perlu mendapat bimbingan daripada guru.
- Rancang penggunaan alatan dan bahan dengan teliti sebelum memulakan sesuatu projek.
- Mengambil peralatan yang digunakan sahaja.
- Berhati-hati ketika menggunakan bahan dan alatan yang mudah terbakar.
- Bersihkan setiap alatan yang telah digunakan dan letak di tempat asal.